



How to cite this article:

XXX. (2023). Cerminan kuasa melalui peribahasa Melayu yang berobjekkan ‘gajah’ dan ‘harimau’: Analisis semantik inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, Julai, 2023, 241 – 266. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.11>

**CERMINAN KUASA MELALUI PERIBAHASA MELAYU
YANG BEROBJEKKAN ‘GAJAH’ DAN ‘HARIMAU’:
ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF
(Reflection of Power through Malay Proverbs that Object
‘Elephant’ and ‘Tiger’: An Inquisitive Semantic Analysis)**

¹Julaina Nopiah, ²Mohammad Aasim Addli & ³Maizura Osman

¹Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

^{2&3}Universiti Malaya

¹*Corresponding author: julainanopiah@iium.edu.my*

Received: 12/4/2022

Revised: 7/2/2023

Accepted: 1/4/2023

Publish 31/7/2023

ABSTRAK

Peribahasa berobjekkan haiwan digunakan sebagai simbol bagi menggambarkan realiti kehidupan masyarakat Melayu dan mempunyai nilainya yang tersendiri untuk dijadikan panduan hidup. Cara hidup orang Melayu lama yang selalu meneliti unsur alam dan mengenali sifat haiwan menyebabkan mereka menggunakan haiwan sebagai simbol untuk berkias dan memberikan teguran. Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti peribahasa yang menonjolkan konsep kuasa melalui objek ‘gajah’ dan ‘harimau’ Merungkai perkaitan antara objek dan aspek pemaknaan peribahasa yang berobjekkan ‘gajah’ dan ‘harimau’ melalui pendekatan semantik inkuisitif. Data peribahasa Melayu telah dikumpulkan daripada pangkalan data www.malaycivilization.com dan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu. Daripada sejumlah 275 peribahasa yang berobjekkan haiwan, lapan peribahasa yang berobjekkan ‘gajah’ dan ‘harimau’ telah dikenal pasti mengandungi kuasa sebagai aspek pemaknaannya. Kajian

ini mengaplikasikan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) dan pendekatan semantik inkuisitif dalam penganalisisan data. Data yang diperoleh telah diperkukuh dengan hasil janaan data korpus yang menunjukkan persamaan antara ciri-ciri fizikal yang dipunyai oleh haiwan tersebut dengan konsep kekuasaan yang terdapat dalam elemen pemaknaannya. Kekuatan gajah yang terletak kepada 'saiznya', manakala kekuatan harimau pula terletak kepada 'belangnya'. Kekuatan bagi kedua-dua haiwan ini, telah menyebabkan masyarakat Melayu menganalogikannya sebagai cerminan kekuasaan dalam peribahasa. Gabungan data, teori, falsafah dan budaya yang terdapat dalam semantik inkuisitif menjadi medan dalam dapat menghasilkan huraian makna yang merungkai perkaitan antara objek peribahasa yang digunakan dengan elemen pemaknaannya.

ABSTRACT

*Proverbs with animal objects have been used as symbols to describe the reality of Malay community life and have their own value to be used as a life guide. The way of life of the old Malays who always examine the elements of nature and recognize the nature of animals causes them to use animals as symbols to allude and give warnings. This paper aims to identify proverbs that emphasize the concept of power through the objects 'elephant' and 'tiger' Unraveling the relationship between objects and aspects of the meaning of proverbs that have the object 'elephant' and 'tiger' through an inquisitive semantic approach. Data on Malay proverbs have been collected from the www.malaycivilization.com database and the *Special Dictionary of Malay Proverbs*. From 275 proverbs with an animal object, eight proverbs with an object of 'elephant' and 'tiger' have been identified as containing power as an aspect of its meaning. This study applied the Cross Reference Framework (RRS) approach and the inquisitive semantic approach in data analysis. The data obtained has been strengthened with the results of corpus data generation that show the similarity between the physical characteristics of the animal and the concept of power found in its meaning elements. The strength of the elephant lies in its 'size', while the strength of the tiger lies in its 'stripes'. The strength of these two animals has caused the Malay community to analogize them as a reflection of power in proverbs. The combination of data, theory, philosophy and culture found in inquisitive semantics becomes a field in which can produce a description of meaning that unravels the relationship between the proverbial object used and its meaning elements.*

Keywords: *Proverbs, Inquisitive Semantics, Cross-Referencing Approach (RRS), Power, Malay Intellect.*

PENGENALAN

Peribahasa Melayu merupakan suatu kaedah komunikasi yang sering diguna pakai oleh masyarakat Melayu zaman dahulu dalam menyampaikan sesuatu dengan berlajak atau berkias (Julaina et al., 2018, Nor Hashimah, 2020). Peribahasa berfungsi menyampaikan pesanan, nasihat, pedoman hidup dan juga sindiran kepada orang lain tanpa menyatakan secara terus. Orang Melayu akan memilih gaya bahasa yang paling sopan untuk menyampaikan sesuatu mesej meskipun mesej tersebut tidak menyenangkan (Nor Hashimah Jalaluddin, 1991). Dalam peribahasa terdapat pelbagai jenis unsur ketersiratan seperti kiasan, perlambangan, ibarat dan metafora yang berpaksikan kepada persekitaran. Pengalaman hidup masyarakat Melayu menjadi asbab wujudnya peribahasa yang diguna pakai sehingga sekarang. Peribahasa ini mencerminkan akal budi masyarakat Melayu, iaitu kebijaksanaan orang Melayu dalam berkomunikasi.

Peribahasa disusun dan diungkap dengan amat menarik kerana penyusunan peribahasa adalah berdasarkan kejadian alam sekeliling untuk disesuaikan dengan pemikiran manusia bagi menyampaikan maksud yang tersirat (Julaina et al., 2021). Dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menelusuri peribahasa Melayu yang bersumberkan haiwan dalam konsep kuasa. Dari dahulu lagi masyarakat Melayu hidup dalam masyarakat yang mempunyai pemerintah, iaitu seseorang yang berkuasa malah dalam keluarga sendiri juga terdapat ketua keluarga yang mempunyai sifat dominan terhadap anggota keluarga yang lain. Tidak kiralah sama ada status besar atau kecil, selagi konsep kekuasaan itu wujud dalam masyarakat maka akan tercipta peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan keadaan tersebut kerana peribahasa kebanyakan bersifat umum. Penciptaan peribahasa-peribahasa ini dapat dianalisis dengan merujuk kepada pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) untuk merungkai makna sebenar peribahasa tersebut.

Persekitaran masyarakat Melayu yang dikelilingi haiwan, sama ada dipelihara, ditenak atau haiwan yang bersifat buas membawa kepada penciptaan objek peribahasa yang berobjekkan haiwan. Pemerhatian serta ketelitian terhadap ciri-ciri fizikal haiwan-haiwan ini telah menyebabkan masyarakat Melayu pada masa dulu mengaitkannya dengan aspek pemaknaan dalam peribahasa itu (Eli Aima Shazila

dan Julaina (2021). Sehubungan itu, kajian ini akan memfokuskan konsep kuasa yang terdapat dalam peribahasa yang berunsurkan haiwan. Justeru, penulis telah menggariskan dua objektif kajian, iaitu:

- a. Mengenal pasti peribahasa yang menonjolkan konsep kuasa melalui objek ‘gajah’ dan ‘harimau’.
- b. Merungkai perkaitan antara objek dan aspek pemaknaan peribahasa yang berobjekkan ‘gajah’ dan ‘harimau’ melalui pendekatan semantik inkuisitif.

METODOLOGI


Kajian ini ialah kajian kualitatif dan melibatkan data sekunder, iaitu peribahasa Melayu yang diambil dari pangkalan data www.malaycivilization.com dan Kamus Peribahasa Istimewa Peribahasa Melayu oleh Hussain (2016). Hasil penjaan data menunjukkan sebanyak 275 peribahasa Melayu yang mengandungi haiwan sebagai objek. Data peribahasa yang berkisarkan objek haiwan, kemudiannya diambil dan diasingkan. Setiap data diperhatikan peribahasanya berserta maksudnya. Pencarian data adalah berdasarkan kata kunci ‘leksikal’ (objek), iaitu senarai haiwan yang telah ditetapkan. Daripada keseluruhan jumlah itu, sebanyak lapan peribahasa yang berobjekkan ‘gajah’ dan ‘harimau’ memperlihatkan ‘kuasa’ sebagai elemen pemaknaannya. Daripada lapan peribahasa yang telah dipilih, empat daripadanya merupakan peribahasa yang berobjekkan gajah, manakala empat selebihnya adalah peribahasa yang berobjekkan harimau.

Bagi tujuan perbincangan, hanya satu peribahasa yang berunsurkan ‘gajah’ dan satu peribahasa yang berunsurkan ‘harimau’ akan dibincangkan secara terperinci dalam penulisan ini. Kajian ini dijalankan dengan memanfaatkan pendekatan semantik inkuisitif, iaitu pendekatan yang berasaskan semangat ingin tahu serta dorongan untuk terus meneroka dan mencari jawapan kepada perkara sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan (Nor Hashimah 2014). Semantik inkuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Yang dimaksudkan akal budi di sini adalah merujuk kepada akal pemikiran yang terletak di dalam akal (Rozita Che Rodi, 2022). Bagi menghuraikan makna peribahasa dengan lebih lanjut, peribahasa yang berkaitan akan dianalisis menggunakan Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam Teori Relevans (TR).

Konsep Rangka Rujuk Silang (RRS) ini diperkenalkan oleh Kempson (1986) sebagai konsep tambahan untuk memperkukuh tafsiran makna yang dibuat (Nor Hashimah Jalaluddin (1992a). Proses RRS berlaku apabila sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden tetapi pembaca dapat mentafsirkan makna ujaran berkenaan dengan mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama. Anteseden yang diperlukan tidak ditemukan dalam kandungan eksplisit mahupun gambaran visualnya. Penyampai hanya memberikan premis tambahan yang merupakan sebahagian daripada konteks untuk membantu pembaca memahami makna ujaran. Pembaca akan menggunakan mana-mana premis tambahan untuk membantunya memahami makna sebenar ujaran yang kabur. Premis tambahan boleh berbentuk leksikal, frasa, ujaran terdahulu atau ujaran berikutnya, konteks wacana dan boleh juga merujuk konteks secara umum. Gabungan RRS dengan maklumat tambahan dari aspek budaya mampu menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu dengan berpeda. Rajah 1 berikut menunjukkan carta alir tahap-tahap yang terlibat dalam proses penganalisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif seperti yang dikemukakan oleh Nor Hashimah (2014). Di samping itu, data sokongan kajian yang digunakan ialah data korpus yang dijana dari Sistem Pangkalan Korpus Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan *Malay Concordance Project (MCP)*.

Rajah 1

Aliran Proses Penganalisan Data Menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif (Nor Hashimah, 2014)



DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada proses pengenalpastian yang telah dilakukan, terdapat lapan peribahasa yang berobjekkan gajah dan harimau telah dikenal pasti mencerminkan 'kuasa' sebagai aspek pemaknaannya. Daripada jumlah itu, sebanyak empat peribahasa yang berobjekkan gajah, dan selebihnya adalah peribahasa yang berobjekkan harimau. Jadual 1 menunjukkan peribahasa yang mengandungi maksud yang menjurus kepada konsep kekuasaan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

Jadual 1

Senarai Peribahasa Berobjekkan 'Gajah' dan 'Harimau' Berserta Maksud

HAIWAN	PERIBAHASA	MAKSUD
GAJAH	Gajah masuk kampung, kalau kayu (pohon) tak tumbang, rumput layu juga	Orang yang berkuasa dapat berbuat sekehendak hatinya dalam lingkungan orang lemah (orang kecil).
	Gajah hendak berak besar, kita pun hendak berak besar juga.	Hendak meniru-niru perbuatan orang besar (kaya), akhirnya diri sendiri binasa.
	Gajah lalu kumpai layu.	Hendak meniru-niru perbuatan orang besar (kaya), akhirnya diri sendiri binasa.
	Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati ditengah-tengah	Kalau para pemimpin berselisih faham rakyat mendapat susah.
HARIMAU	Harimau menunjukkan belangnya	Orang besar yang memperlihatkan kekuasaannya
	Harimau memperlihatkan kukunya.	Orang yang memperlihatkan kekuasaannya.
	Harimau ditakuti sebab giginya.	Orang besar-besar itu ditakuti kerana kekuasaannya.
	Anak harimau	Anak orang yang mempunyai kuasa.

Jadual 1 di atas menunjukkan beberapa haiwan yang ditemui semasa proses pengumpulan yang dilakukan. Penelitian akan dibuat dengan menelusuri falsafah serta akal budi orang Melayu terdahulu dalam konsep kekuasaan berdasarkan peribahasa yang telah dicipta. Walaupun kesemua haiwan tersebut mempunyai ciri-ciri yang berlainan, namun elemen yang akan diketengahkan dalam ruangan analisis dan perbincangan selepas ini adalah berkisarkan domain

‘kuasa’, iaitu meneliti hubungan objek perlambangan (haiwan) yang dipilih dengan domain kekuasaan yang diekspresikan melalui makna harfiah peribahasa tersebut.

Peribahasa Berobjekkan Gajah

Jadual 2

Peribahasa Berobjekkan Gajah

JENIS HAIWAN	PERIBAHASA	MAKSUD
GAJAH	Gajah masuk kampung, kalau kayu (pohon) tak tumbang, rumput layu juga	Orang yang berkuasa dapat berbuat sekehendak hatinya dalam lingkungan orang lemah (orang kecil).
	Gajah hendak berak besar, kita pun hendak berak besar juga.	Hendak meniru-niruperbuatan orang besar (kaya), akhirnya diri sendiri binasa.
	Gajah lalu kumpai layu.	Hendak meniru-niru perbuatan orang besar (kaya), akhirnya diri sendiri binasa.
	Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati ditengah-tengah	Kalau para pemimpin berselisih faham rakyat mendapat susah.

Tahap 1: Semantik Skrip

Peribahasa “*gajah masuk kampung, kalau kayu tak tumbang, rumput layu juga*” yang diambil sebagai data ini membawa maksud seseorang yang mempunyai kekuasaan atau pangkat dapat membuat sesuatu sesuka hatinya terhadap atau dalam lingkungan orang-orang yang lemah atau berpangkat rendah daripada mereka.

Tahap 2: Semantik Resonans

Tahap ini akan menumpukan analisis pada peringkat resonans. Oleh yang demikian, penghuraian pada peringkat ini bukanlah sekadar menyentuh makna harfiah peribahasa yang diambil sebagai data kajian, sebaliknya melihat proses kognitif yang berlaku dalam pemikiran orang Melayu tradisional melalui penciptaan peribahasa yang berobjekkan ‘gajah’. Penggunaan peribahasa ini bersifat malar

segar dan terus digunakan sehingga hari ini. Buktinya, penjaanaan daripada data korpus menemukan penggunaan peribahasa ini seperti dalam data korpus (i) dan (ii) di bawah:

- i. “Apakah perlu didikan undang-undang sedangkan semua maklum sebagai sebuah negara, ‘undang-undang’ hanyalah terma yang dimomokkan kepada rakyat marhaen tanpa wang ringgit atau kuasa mahupun pengaruh? Sedangkan realiti negara, kelas kayangan yang merangkumi mereka yang berduit, berkuasa ataupun berpengaruh duduk di luar dari cakupan undang-undang. Benarlah didikan nenek moyang dulu: apabila ****gajah masuk kampung, kalau kayu tak tumbang, rumput layu juga.**** Rakyat marhaen didenda sehingga muflis, dipenjara sehingga beruban, disebat sehingga lunyi dan digantung sehingga mati jika kepatuhan kepada undang-undang diingkari.”

(Fatimah Jamhari, Tutup saja fakulti undang-undang, Utusan Malaysia, 2020)

- ii. “Kerajaan negeri juga secara tersembunyi untuk menambah kewangan PBT dengan menaik denda RM20.00 kalau bayaran lewat. Dulu di zaman Barisan Nasional kami caj RM2.00 sahaja bagi cukai yang lewat dibayar mulai 1 Mac 2009. Mereka mengambil kesempatan terhadap rakyat yang terpaksa untuk membayar cukai ataupun kepada golongan orang-orang yang miskin yang tidak mampu membayarnya umpama ****gajah masuk kampung kalau pohon tidak tumbang rumput layu juga****. Orang yang berkuasa dapat membuat sesuka hari kepada orang yang lemah. Memang seronok mencanangkan gula-gula untuk memikat rakyat, namun apabila kuasa ia tidak dapat dilaksanakan pelbagai alasan dan dalih boleh diberikan.”


(Wong Koon Mun, Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas, Penggal Keempat, Mesyuarat Ketiga, 2011)

Berdasarkan kepada metodologi kajian, penggunaan RRS bertujuan untuk menjelaskan maksud peribahasa ‘*gajah masuk kampung, kalau kayu (pohon) tak tumbang, rumput layu juga*’. Makna peribahasa ini adalah seseorang yang mempunyai kekuasaan atau pangkat dapat membuat sesuatu sesuka hatinya terhadap orang-orang yang lemah atau berpangkat lebih rendah. Kekuasaan di sini terpakai untuk

sekecil-kecil kumpulan sehingga kepada skop kekuasaan yang lebih luas, misalnya pemerintahan di peringkat negara. Hal ini demikian kerana, kebanyakan peribahasa yang dicipta dapat digunakan pada pelbagai peringkat dan tidak khusus kepada orang yang berkuasa dalam pemerintahan sahaja.

Data korpus (i) merupakan artikel dalam akhbar Utusan Malaysia yang diterbitkan pada tahun 2020. Dalam data tersebut, penulis telah memberikan premis tambahan untuk membantu pembaca memahami perkaitan antara peribahasa dan konteks situasi. Rajah 1 di bawah menunjukkan pemetaan RRS bagi leksikal rujukan gajah.


Data Korpus (i)
Pemetaan RRS Leksikal Rujukan Gajah



Dalam konteks data korpus (i) ini, leksikal rujukan gajah telah dibantu oleh premis-premis tambahan seperti **kelas kayangan**, **berduit**, **berkuasa** dan **berpengaruh**. Leksikal kelas kayangan merujuk kepada satu golongan yang berada pada tahap yang lebih tinggi berbanding golongan masyarakat biasa. Perkataan kayangan itu sendiri jika dirujuk makna pertamanya dalam Kamus Dewan Perdana (2020), iaitu keinderaan, bermaksud golongan dewa-dewa dan bukan manusia biasa. Seterusnya, leksikal ini dipautkan pula kepada ciri-ciri kelas kayangan tersebut iaitu leksikal berduit, berkuasa dan berpengaruh. Pada tahap ini, leksikal rujukan sudah boleh ditafsir maknanya, iaitu kuasa. Penggunaan peribahasa dalam data ini lebih mudah difahami kerana premis tambahan yang merupakan sebahagian daripada konteks telah dibekalkan oleh penulis dan telah berjaya membantu pembaca menemukan anteseden yang tidak kelihatan. Leksikal rujukan gajah dalam peribahasa ini menunjukkan kuasa yang dimiliki oleh satu-satu individu atau pihak, atas faktor saiznya yang besar dan digeruni.

Bagi memahami peribahasa ini secara keseluruhan melalui kognitif manusia Melayu, proses perujukan juga perlu dibuat untuk leksikal rujukan rumput. Rajah 2 di bawah memaparkan proses pemetaan leksikal rujukan rumput bagi data korpus (ii);

Data Korpus (ii) *Pemetaan RRS Leksikal Rujukan Rumput*



Data korpus (ii) di atas memaparkan pemetaan leksikal rujukan rumput dalam peribahasa kepada premis-premis tambahan yang diberikan oleh penulis dalam data korpus. Leksikal rujukan dipautkan kepada premis tambahan rakyat marhaen, muflis, dipenjara, lunyai dan mati. Jika leksikal rujukan kayangan menunjukkan kuasa, premis tambahan bagi leksikal rumput menunjukkan perkara yang bertentangan. Dalam konteks ayat (ii), perkataan marhaen dalam Kamus Dewan Perdana (2020) adalah bermaksud rakyat jelata, manakala premis-premis tambahan yang lain menunjukkan sifat-sifat kelemahan yang nyata. Jelaslah di sini bahawa kuasa lawannya adalah kelemahan. Pihak yang lemah akan kalah apabila bersaing dengan pihak yang berkuasa. Rumput dalam peribahasa ini membawa perlambangan pihak yang lemah dan dipijak-dipijak, apatah lagi yang memijaknya adalah gajah yang besar saiznya, maka kerana itulah rumput menjadi layu.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Analisis semantik resonans sebelum ini menjelaskan tentang aspek kognitif manusia dalam memahami sesuatu peribahasa dan mengaitkan dengan konteks dan situasi semasa. Analisis tahap 3 yang dinamakan analisis semantik inkuisitif ini pula akan menjawab dan menghuraikan aspek-aspek bukan linguistik yang membantu pemahaman manusia terhadap sesuatu ujaran. Huraian ini akan membuktikan bahawa masyarakat Melayu tradisional tidak mencipta sesuatu peribahasa itu secara semberono tanpa membuat pemerhatian yang holistik.

Gajah adalah haiwan daripada keluarga yang dipanggil sebagai *Elephantidae* (Fowler & Mikota, 2006). Gajah adalah haiwan

mamalia yang besar daripada keluarga haiwan tersebut. Terdapat tiga jenis spesies yang berjaya dikenal pasti, iaitu gajah Semak Afrika, gajah Asia nama saintifiknya adalah *Elephas Maximus* dan juga gajah Afrika yang mempunyai nama saintifik sebagai *Loxodonta africana* (Fowler, & Mikota, 2006). Keluarga *Elephantidae* merupakan satu-satunya keluarga mamalia yang masih wujud sehingga sekarang dalam *order Proboscidea*, iaitu kumpulan mamalia yang hanya mempunyai satu jenis keluarga sahaja yang wujud pada zaman sekarang manakala keluarga yang lain telah pupus (Carleton & Musser, 2005). Walaupun begitu, keluarga Elephantide juga mempunyai beberapa spesies yang telah pupus seperti mamut dan gajah bergading lurus. Gajah Asia atau dikenali sebagai *Elephas maximus* merupakan spesies gajah yang terancam dengan bilangan yang masih hidup adalah antara 25000 hingga ke 33000 ekor (Alter, 2004). Gajah Asia mempunyai lima subspesies, iaitu gajah India, gajah Borneo, gajah Sri Lanka, gajah Sumatera dan juga gajah Malaysia. Jangka hayat bagi gajah Asia adalah di antara 60 sehingga 80 tahun sahaja (Alter, 2004).

Jika dilihat daripada aspek biologi, gajah merupakan binatang terbesar di dunia yang hidup di darat (Alderton, & Heart, 2022). Gajah Asia mempunyai saiz yang agak kecil sedikit jika dibandingkan dengan gajah Afrika dan kepalanya merupakan paras tertinggi bagi anggota badannya (). Bahagian belakang gajah tersebut adalah berbentuk lengkung atau rata, mempunyai telinga yang kecil serta boleh dilipat pada bahagian sisi. Ia juga mempunyai sehingga 20 pasang tulang rusuk serta 34 batang tulang belakang kaudal, iaitu tulang ekor. Kaki gajah Asia mempunyai struktur berbentuk menyerupai kuku dan ia mempunyai lima pasang kuku untuk kaki hadapan dan 4 pasang kuku bagi kedua-dua kaki belakang (Shoshani & Eisenberg, 1982). Dahi gajah ini juga mempunyai dua bulatan berbentuk hemisfera, ianya berlainan dengan gajah Afrika yang mempunyai dahi berbentuk rata (Clutton-Brock, 1987).

Secara purata, saiz gajah jantan yang sudah dewasa adalah sekitar 2.75 meter iaitu bersamaan dengan 9.0 kaki pada paras bahu dan beratnya boleh mencecah sehingga 5000 kilogram bersamaan dengan 5.5 tan. Manakala bagi gajah betina dewasa pula, tinggi agak rendah sedikit, iaitu pada 2.4 meter pada paras bahu dan juga mempunyai berat mencecah sehingga 3000 kilogram (Alderton & Heart, 2022). Tambahan lagi, gajah mempunyai kepanjangan 5.5 sehingga 6.5 meter

dan ekornya sahaja boleh mencecah 1.2 hingga 1.5 meter (Shoshani & Eisenberg, 1982). Selain itu, gajah juga memiliki permukaan kulit yang agak kasar dan mempunyai ketebalan sebanyak 4 sentimeter namun kulitnya mempunyai deria sentuhan yang amat sensitif. Bagi mengelakkan penyakit kulit dan parasit, gajah sering menggunakan debu untuk mandi dan menyemburkan air kepada badannya sendiri dengan menggunakan belalainya bertujuan untuk membersihkan diri serta menyejukkan badan. Tambahan lagi, telinga gajah yang besar boleh berfungsi sebagai sistem penyejukan pada cuaca yang panas dengan membuat kipasan. Gajah kebiasaannya dapat ditemui di dalam hutan seperti hutan pamah (Alderton & Heart, 2022).

Orang Melayu sememangnya mempunyai hubungan yang amat rapat dengan gajah. Hal ini dapat dilihat dalam pelbagai peribahasa Melayu yang menyebut tentang gajah seperti "*hati kuman sama dicicah, hati gajah sama dilapah*", "*gajah mati kerana gadingnya*", dan juga data pertama bagi kajian ini iaitu "*gajah masuk kampung, kalau kayu tak tumbang rumput layu juga*". Tambahan lagi, terdapat bidalan yang berkaitan dengan gajah bagi golongan Diraja iaitu "*Segala raja kita itu seperti gading gajah, apabila sudah keluar tiadalah dapat masuk lagi*". Di dalam naskhah Melayu lama, iaitu *Mantra Gajah* menyatakan bahawa gajah menjadi salah satu faktor yang amat penting dari sudut perubatan kerana ia didorong oleh sifat saling bergantung antara budaya dan adat (Nurul Izzati Md Mustafa & Adnan Jusoh, 2014). Orang Melayu pada zaman dahulu turut dikaitkan dengan masyarakat yang mempunyai keilmuan yang tinggi merentasi pelbagai disiplin ilmu (Julaina *et. al* 2018). Antara ilmu yang dimiliki oleh masyarakat Melayu itu sendiri adalah berkaitan dengan gajah. Menurut Schafer, (1957), terdapat catatan sejarah yang menunjukkan bahawa hamba-hamba raja yang berbangsa Melayu pada masa dulu telah ditugaskan untuk mengambala dua ekor gajah perang dari Lingnan, yang kini dikenali sebagai Vietnam. Hal ini demikian kerana, kehebatan orang Melayu yang berupaya memelihara, menjinakkan, merawat malah dikatakan mampu untuk menjinakkan gajah (A. Samad Ahmad, 1979). Malah, pada masa dahulu, sultan dan pemerintah turut dikatakan mempunyai perkaitan dengan gajah. Sultan dan pemerintah dahulu dikatakan akan memiliki gajah dan turut memberikan nama timangan kepada gajah. Hal ini dapat dilihat melalui gelaran 'Mek Cik' dan 'Awang Majlis' yang merupakan nama timangan yang telah diberikan oleh Sultan Idris Shah II kepada dua ekor gajahnya (Chulan Ibn Raja Hamid, 1991). Selain itu, terdapat penulisan daripada Ibn

Batutah yang pernah pergi ke negeri Kelantan bahawa terdapat ramai orang yang menggunakan gajah sebagai kenderaan untuk bergerak ke sana sini (Mohd. Taib Osman, 1997). Malah, tambahan beliau lagi gajah juga digunakan bagi mengangkut barang dan ia dipakai oleh golongan rakyat biasa bukan hanya golongan atasan sahaja. Hal ini demikian kerana, saiz gajah yang hampir lebih dua kali ganda dari manusia biasa dan sudah tentunya mempunyai kekuatan yang amat luar biasa untuk mengangkut manusia dan barang-barang yang banyak sekali gus. Perkaitan antara gajah dan golongan pemerintah menyebabkannya dianggap sebagai simbol kemewahan dan kemegahan dalam masyarakat Melayu. Pengamatan terhadap kepentingan gajah, ditambah pula saiz fizikalnya yang besar telah membawa kepada cerminan kekuasaan masyarakat Melayu. Saiz gajah yang besar di samping kekuatannya yang amat gagah telah disamakan haiwan tersebut dengan orang-orang yang mempunyai kuasa, pangkat dan harta yang banyak sehingga mereka boleh berbuat apa sahaja dengan kekuasaan yang mereka miliki. Namun, apakah kaitan pokok dan rumput dalam peribahasa tersebut? Sudah diketahui umum bahawa di dalam kawasan kampung terdapat banyak pokok dan juga rumput sama ada di tepi jalan ataupun di mana-mana sahaja dan saiz pokok adalah pelbagai mengikut jenis-jenis pokok, tetapi jika dilihat pokok-pokok yang terletak di kawasan kampung ianya hanya dua hingga empat meter sahaja dan mempunyai ukur lilit batang yang sederhana, manakala rumput adalah tumbuhan yang tumbuh daripada tanah, rumput memerlukan keadaan tanah yang baik untuk terus hidup. Tanah tersebut haruslah tidak terlalu mampat bagi membenarkan pengaliran air dan udara ke dalam tanah dan sampai kepada akar agar rumput tersebut dapat terus hidup.

Oleh hal demikian, apabila haiwan besar dan gagah seperti gajah memasuki kampung pasti boleh menumbangkan pokok-pokok yang ada dan sudah pasti akan memijak kawasan-kawasan yang berumput. Apabila tanah yang ditumbuhi rumput dipijak oleh gajah yang bersaiz besar dan juga mempunyai berat yang mencecah sehingga 3000 kg, tanah tersebut akan menjadi mampat serta merta mengakibatkan air dan udara tidak dapat memasuki ke dalam tanah dan akar rumput tidak mendapat air akhirnya menyebabkan rumput tersebut layu (Khairuddin Kamaruddin, 2013). Makna peribahasa ini merujuk kepada perkara yang dilakukan oleh orang yang berkuasa sesuka hati kepada orang bawahannya dan sedikit sebanyak menyebabkan penderitaan.

Pengamatan terhadap perlakuan seekor gajah yang memasuki kampung, sehingga memusnahkan alam sekeliling menyebabkan masyarakat Melayu pada masa dulu menganalogikannya dengan 'kekuasaan'. Ibarat perumpamaan durian dan timun dalam masyarakat Melayu yang dikaitkan dengan kuasa yang kuat dan kuasa yang lemah, begitulah juga perumpamaan yang diberikan kepada 'gajah' dan 'tumbuhan' di muka bumi ini. Sifat gajah yang kuat dan besar ditanggap sebagai simbol 'orang yang berkuasa', manakala tumbuhan seperti pokok dan rumput yang bersifat kaku ditanggapi sebagai 'orang yang lemah', yang hanya membiarkan gajah membinasakannya kerana tidak dapat berbuat apa-apa. Dalam erti kata lain, gajah dapat berbuat sesuka hatinya kerana mempunyai saiz dan kekuatan yang melampaui manusia biasa. Begitulah juga dikaitkan dengan orang yang mempunyai kuasa. Kekuasaan yang dimiliki kadang kala dijadikan tiket untuk menindas golongan bawahan serta menyalahgunakan kuasa atau amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Penyelewengan kuasa ini merupakan salah satu bentuk kegagalan manusia dalam mengawal hawa nafsu (Julaina *et. al*, 2017). Perihal tentang pemikiran Melayu terhadap kepeimpinan ada disentuh oleh Tenas Effendy melalui bukunya yang bertajuk Kearifan Pemikiran Melayu (2013). Oleh kerana seorang pemimpin atau ketua lazimnya mempunyai pengaruh besar dalam kuasa kepimpinan dalam kehidupan, maka mereka telah diberikan kepercayaan, kekuasaan dan kebebasan untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab dalam memimpin rakyat (Julaina *et.al*, 2017). Namun demikian, kekuasaan dan kebebasan yang diberikan tersebut tidak seharusnya dipergunakan Dengan cara yang tidak benar, iaitu Dengan melanggar acuan syarak dalam agama Islam. Hal ini jelas berdasarkan beberapa ungkapan tersebut, iaitu:

Adat memegang kepercayaan orang, jangan sekali main belakang;

Adat memegang kekuasaan, jangan sekali merosak binasakan;

Adat memegang kebebasan jangan sekali lupa batasan.

Masyarakat Melayu terdahulu amat kritis dan kreatif dalam penciptaan peribahasa sehingga menggunakan gelagat gajah yang memasuki kampung bagi menggambarkan hal yang berlaku dalam persekitaran mereka. Penulis menyimpulkan bahawa perlakuan gajah

yang memasuki kampung dan boleh mengakibatkan pokok tumbang dan rumput layu mempunyai perhubungan yang amat relevan serta maksud yang sangat tepat.

Peribahasa Berobjekkan Harimau

Jadual 3

Peribahasa Berobjekkan Harimau

HAIWAN	PERIBAHASA	MAKSUD
HARIMAU	Harimau menunjukkan belangnya	Orang besar yang memperlihatkan kekuasaannya
	Harimau memperlihatkan kukunya.	Orang yang memperlihatkan kekuasaannya.
	Harimau ditakuti sebab giginya.	Orang besar-besar itu ditakuti kerana kekuasaannya.
	Anak harimau	Anak orang yang mempunyai kuasa.

Tahap 1: Semantik Skrip

Analisis dimulakan dengan analisis semantik skrip. Secara harfiahnya, peribahasa “*harimau menunjukkan belangnya*” seperti dalam jadual 3 di atas membawa maksud seseorang itu menunjukkan kehebatan atau kekuasaan yang ada pada diri mereka kepada orang lain sama ada dari segi pangkat, kebolehan atau lain-lain. Maksud peribahasa ini bagaimanapun difahami secara umum tanpa melibatkan apa-apa konteks dan latar belakang. Bagi mencungkil bagaimana kognitif manusia berfungsi dalam memahami peribahasa yang dikaitkan dengan sesuatu konteks, analisis tahap berikutnya diperlukan.

Tahap 2: Semantik Resonans

Analisis pada bahagian ini akan melihat proses kognitif yang berlaku dalam pemikiran masyarakat Melayu dalam mencipta dan memahami peribahasa yang berobjekkan ‘harimau’. Data korpus digunakan sebagai data sokongan untuk memperlihatkan proses ini. Data korpus (iii) dan (iv) di bawah merupakan contoh penggunaan peribahasa yang berobjekkan harimau;

“Tidak mengejutkan apabila terdapat penyokong yang berkampung di tapak kawasan Stadium Bukit Jalil sejak pagi hari perlawanan lagi.

- iii. Pasukan tuan rumah, ****Harimau Malaya sekali lagi menunjukkan belangnya**** di tanah sendiri apabila berjaya menewaskan pasukan garuda, dengan mata 2-0. Penjaring tunggal perlawanan tersebut, Safawi Rasid, menjaringkan gol pertama pada separuh masa pertama pada minit ke-30. Manakala, jaringan kedua beliau disempurnakan pada separuh masa kedua, minit ke-73.”

(Sang Rimau Membaham Garuda, Sinar Harian, 2019)

- iv. “Berbalik kepada keluarga Pak Nayan, Ali yang sering menjauhi pergaduhan walaupun bertalu-talu diasak provokasi samseng Haji Daud. Bagaimanapun, keadaan berubah apabila Mat Arip hilang selepas dibelasah geng samseng Haji Daud.


****Ibarat mengejut harimau yang tidur, ketika itu barulah Ali menunjukkan belangnya.**** Secara solo, watak itu masuk ke kubu samseng, berlawan dengan puluhan konco Haji Daud dan membawa pulang Mat Arip bersama geran tanah keluarganya. Adegan ini wajar diberi pujian kerana keaslian seni silat tempur dipaparkan.”

(Siti Normala Hamzah, Geran sarat aksi falsafah Melayu, Berita Harian, 2020)

Berdasarkan data korpus (iii), penggunaan leksikal harimau tidak datang dalam bentuk peribahasa asal sepenuhnya tetapi telah pun dimodifikasikan mengikut konteks semasa. Leksikal harimau dalam data ini telah mengalami peluasan makna kepada sebuah pasukan bola sepak yang digelar sebagai Harimau Malaya. Nama tersebut diambil daripada subspecies harimau, iaitu Harimau Belang yang hanya terdapat di Semenanjung Malaysia. Pasukan bola sepak ini diberikan ciri-ciri harimau melalui gelaran tersebut, iaitu tangkas, berani, garang dan digeruni. Data korpus (iii) di bawah menunjukkan pemetaan RRS yang membantu pemahaman pembaca terhadap penggunaan peribahasa harimau menunjukkan belangnya dan juga konsep kuasa yang komunikasikan melalui peribahasa tersebut.

Data Korpus (iii)

Pemetaan RRS Leksikal Rujukan Harimau Malaya dan Belangnya



Dalam data kopus (iii) di atas, terdapat dua leksikal rujukan ditemukan. Kekaburan makna bagi frasa Harimau Malaya dapat dijelaskan melalui RRS apabila dirujuk silang dengan premis tambahan **garuda**, **penjaring** dan **gol**. Premis-premis tambahan ini membantu pembaca memahami bahawa harimau dalam frasa Harimau Malaya merupakan satu pasukan bola sepak. Leksikal garuda menunjukkan gelaran kepada pasukan bola sepak negara Indonesia, yang juga diberikan ciri-ciri kehebatan seekor burung raksaksa. Usaha memproses pembaca menjadi rendah dengan adanya konteks dan kesan konteks yang tinggi dalam ujaran. Leksikal rujukan belang pula dirujuk silang dengan leksikal **menewaskan** sebagai premis tambahan. Perkataan **menewaskan** membawa bersama ciri-ciri kuasa iaitu menang. Tambahan pula, pasukan yang ditewaskan itu bukanlah calang-calang kerana garuda juga terkenal dengan kehebatannya. Huraian dalam analisis tahap ketiga iaitu di peringkat inkuisitif akan memberikan jawapan mengapakah belang menjadi satu lambing kuasa kepada harimau selain kuku dan gigi.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Di Malaysia, harimau lebih dikenali sebagai harimau belang dan dalam cerita-cerita rakyat atau cerita kanak-kanak disebut sebagai 'pak belang'. Haiwan ini merupakan salah satu golongan empat jenis "kucing besar" kelompok *genus Panthera*, dan ia adalah spesies yang terbesar dalam golongan tersebut (Tilson, & Nyhus, 2009). Harimau merupakan haiwan pemangsa dan juga karnivor yang datang daripada Asia timur dan juga selatan (Sanjaya Lall, 1996). Harimau amat terkenal dengan ciri-cirinya yang mempunyai corak belang yang

berwarna hitam dan juga menegak meliputi bulu badannya yang berwarna putih dan merah kejinggaan.

Tidak dapat disangkal bahawa wujud pertalian yang rapat di antara pak belang ini dan juga dengan masyarakat Melayu sejak tradisional. Hal ini telah disahkan oleh seorang penyelidik barat yang bernama Boomgaard Peter yang menulis buku bertajuk "*Frontiers of Fear: Tigers and People in the Malay World, 1600-1950*" pada tahun 2001 (Peter, 2001). Negara-negara di Nusantara mempunyai pelbagai spesies harimau seperti harimau bintang dan juga harimau belang (Firestone, 2010). Selain itu, harimau juga boleh dilihat pada alat-alat kebesaran diraja Melayu. Tambahan lagi, harimau juga banyak terdapat dalam peribahasa Melayu bagi menggambarkan kekuasaan dan kehebatan seperti pepatah "*harimau menunjukkan belangnya*" serta harimau juga muncul dalam cerita-cerita dongeng seperti Si Kancil dan Harimau. Harimau memiliki personaliti tersendiri dan karisma yang ada padanya memberikannya kedudukan yang tertinggi dalam hierarki haiwan pemangsa yang hidup di dalam hutan (Peter, 2001).

Harimau merupakan salah satu dari haiwan yang mudah menyesuaikan diri dan hidup di tempat yang baru seperti kawasan taiga Siberia, ia terus boleh berpindah ke kawasan padang rumput yang terbuka dan ia boleh juga hidup di kawasan paya bakau tropika (Godfrey *et al.* (1987). Selain itu, pak belang ini juga mempunyai ciri-ciri yang suka hidup bersendirian dan mempunyai kawasannya iaitu bersifat secara kewilayahan. Oleh itu, harimau memerlukan tempat yang luas untuk dijadikan sebagai habitat kehidupannya dan memudahkan aktiviti memburu mangsa. Namun begitu, habitat harimau juga sering didapati terdapat berhampiran dengan kawasan manusia maka masalah antara manusia dan harimau sering terjadi.

Harimau jantan mempunyai bentuk fizikal yang agak besar kerana kepanjangannya boleh mencapai sebanyak 3.3 meter bersamaan dengan 11 kaki dan beratnya pula boleh melebihi sehingga 300 kilogram, iaitu bersamaan dengan 660 paun (Firestone, 2010). Manakala harimau betina pula mempunyai saiz yang agak kecil jika dibandingkan dengan harimau jantan. Berat bagi harimau jantan adalah 1.7 kali lebih berat berbanding dengan harimau betina (Matthiessen, 2000). Oleh itu, haiwan ini amat digeruni kerana dianggap sebagai spesies kucing yang terberat di dalam hutan rimba. Bagi memudahkan

ia memburu, harimau mempunyai bahu dan juga kaki yang sangat kuat sehingga ia dapat mengalih mangsanya yang lebih berat dengan mengheret menggunakan mulutnya.

Harimau sebenarnya amat jarang memakan daging manusia tetapi harimau jugalah paling banyak membunuh manusia dalam spesies kucing terutamanya di penempatan manusia, kawasan pembalakan dan kawasan pertanian yang mengancam habitat harimau. Harimau yang muda kebanyakannya memburu haiwan-haiwan lain berbanding manusia, sebaliknya harimau yang sudah tua dan kehilangan gigi sahaja yang memburu manusia kerana tidak mempunyai kekuatan untuk memburu haiwan-haiwan yang lain. Walaupun terdapat harimau yang menyukai daging manusia, namun haiwan ini amat jarang memasuki kawasan yang didiami oleh manusia, sebaliknya haiwan ini hanya menunggu di tepian kampung. Namun, harimau juga boleh memasuki dan menyerang penduduk kampung seperti yang telah berlaku di India dan juga Bangladesh.

Di Malaysia, Harimau Malaya merupakan spesies hidupan liar yang menjadi kebanggaan masyarakat tempatan. Harimau Malaya juga dijadikan sebagai lambang kekuatan dan juga keberanian. Hal ini dapat dibuktikan melalui lambang Harimau yang terdapat pada Jata Negara Malaysia yang membawa simbol kewibawaan negara Malaysia (Wan Azizah & Lim Ann Teck, 2020). Dua ekor harimau yang berdiri di kedua-dua belah perisai melambangkan kekuatan dan keberanian. Bukan itu sahaja, lambang harimau juga turut digunakan pada logo syarikat terkemuka di Malaysia seperti Maybank dan PROTON. Harimau yang merupakan haiwan yang terdahulu ditemui di Tanah Melayu, menyebabkannya sehingga kini menjadi binatang kebangsaan di negara Malaysia. Bukan itu sahaja, sifat 'garang' serta bersifat lebih serius dalam memburu mangsa-mangsanya, menyebabkan haiwan ini turut digunakan dalam kesukanan di Malaysia, seperti penamaan 'Harimau Malaya' oleh pasukan bola sepak kebangsaan, serta kebiasaannya menjadi maskot dalam sukan-sukan negara.

Berbalik kembali kepada peribahasa '*Harimau menunjukkan belangnya*' yang membawa maksud 'Orang besar yang memperlihatkan kekuasaannya'. Jika diamati kembali kepada makna harfiah peribahasa ini, secara terangnya, harimau dan belang itu ditafsirkan sebagai simbol kekuatan dan kekuasaan. Satu persoalan

yang harus dicungkil dalam peribahasa ini ialah mengapa orang Melayu memilih objek *harimau sebagai simbol kekuasaan* bukannya *haiwan lain*. Jika diteliti semula singa juga merupakan kelompok haiwan pemangsa yang memburu mencari mangsanya. Mengikuti sumber penulisan yang terkandung dalam jurnal perubatan British, ternyata harimau dikatakan mempunyai kekuatan yang melebihi kekuatan singa (Williams, D. W. 1871). Dalam kategori karnivor, harimau merupakan spesies kucing ketiga terbesar selepas beruang kutub dan beruang perang. Haiwan ini adalah jenis kucing terbesar spesiesnya, bahkan lebih besar daripada singa (Williams, 1871). Kekuatan harimau juga terserlah daripada kepantasannya, yang mana mampu mencatatkan kadar larian dengan kelajuan 60 km/j untuk jarak yang pendek serta mampu melompat sejauh enam meter dan setinggi lima meter. (Williams, 1871). Singa pula dikenali sebagai haiwan yang hidup berkelompok. Singa lebih gemar menjaga wilayah mereka dan memburu secara berkumpulan. Oleh kerana itu, singa lebih suka bermain dengan mangsanya dan menguasai wilayah itu. Hal ini adalah berbeza dengan harimau. Harimau lebih gemar hidup bersendirian. Selain itu harimau juga dikatakan lebih serius dalam memburu mangsa. Kekuatan gigi harimau juga hampir dua kali lebih kuat daripada singa, iaitu 1050 paun per inci. Daripada segi cakaran pula, cakar harimau bergerak lebih laju daripada cakar singa, walaupun cakar singa adalah lebih dalam daripada cakar harimau (Williams, 1871). Kekuatan fizikal yang terletak pada kaki dan bahu harimau juga membolehkan haiwan ini mampu mengheret mangsa yang lebih berat daripada berat badannya.

Selain daripada ketangkasan dan kekuatan harimau yang membawa kepada cerminan kekuasaan dalam peribahasa Melayu, kehebatan harimau juga turut dikaitkan dengan ‘belangnya’. Belang yang ada pada harimau dikatakan mempunyai fungsi yang tertentu (Joshua Yoder, 2017). Kebanyakan harimau mempunyai memiliki lebih daripada 100 lakaran belang. Walaupun belang bagi setiap harimau kelihatan hampir sama, namun, setiap harimau mempunyai keunikan belang masing-masing. Seperti manusia yang memiliki corak cap jari yang berlainan, begitu juga dengan kepelbagaian corak belang bagi harimau. Warna oren terang yang berselang dengan warna hitam yang terdapat dalam belang harimau, itu sendiri secara tidak langsung menunjukkan ‘kehebatan’ haiwan ini. Malah, warnanya yang terang dan unik, membuatkan pereka fesyen pakaian turut menjadikan corak belang ini sebagai trend fesyen. Gabungan warna hitam dan oren

terang yang terdapat dalam belang harimau membuatkan haiwan ini sangat mudah untuk dikesan oleh manusia. Walau bagaimanapun, secara habitat pula, belangan ini mempunyai tujuan yang khusus dalam kalangan haiwan, iaitu untuk penyamaran. Belang yang terdapat pada harimau membantu ia untuk menyamar kerana hampir sama dengan persekitaran hutan (Joshua Yoder, 2017). Menurut Godfrey *et al.* (1987), ruang frekuensi pada belang harimau hampir menyamai dengan persekitaran mereka, khususnya pada kawasan rumput yang tinggi yang dijadikan sebagai kawasan menghendap dan memburu mangsanya. Kemudian harimau akan keluar dari tempat menghendap untuk mengejar dan membaham mangsanya dengan menggunakan kuku dan gigi yang tajam pada dirinya (Godfrey *et al.* 1987).

Oleh itu, akal budi Melayu yang boleh dirungkai daripada penciptaan peribahasa ini adalah berdasarkan daripada pemerhatian orang Melayu yang pergi memburu di dalam hutan. Hal ini demikian kerana, tujuan pemburu untuk mencari sumber makanan dengan memburu binatang-binatang tidak liar seperti harimau. Oleh kerana harimau bersembunyi dahulu kemudian keluar dari persembunyian dan menonjolkan diri untuk membaham mangsa, maka belang yang terdapat pada harimau juga akan kelihatan (Joshua Yoder, 2017). Orang-orang yang pergi memburu di dalam hutan dan terserempak dengan harimau akan berasa takut apabila harimau menjelmakan dirinya kerana ia sudah bersedia untuk membaham mangsa yang ada di hadapannya. Perbuatan harimau yang keluar dari persembunyian dan menunjukkan dirinya telah disamakan dengan perbuatan manusia yang menunjukkan kekuasaan pada dirinya.

Pemerhatian masyarakat Melayu yang meneliti setiap apa yang ada disekelilingnya, telah mambwa kepada kewujudan peribahasa yang berobjek alam, termasuklah yang berunsurkan flora mahupun fauna. Peribahasa 'Harimau menunjukkan belangnya' secara harfiahnya telah dikaitkan dengan elemen kekuasaan. Ciri-ciri harimau yang mempunyai ketangkasan dalam larian, pemburu yang hebat, kekuatan fizikal tubuh secara semula jadi serta 'kehebatan' belang di sebalik corak dan warnanya menyebabkan masyarakat Melayu pada masa dulu mencerminkan harimau sebagai simbol 'kekuasaan' seperti yang tergambar dalam peribahasa 'Harimau mati, meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama' yang secara tidak langsung menunjukkan bahawa, kehebatan manusia terletak pada nama dan pangkatnya, manakala kehebatan harimau pula terletak kepada

belangnya. Ungkapan Melayu yang berkaitan dengan ‘kuasa’ ini secara implisitnya membicarakan berhubung konsep kepimpinan. Kuasa saling berkait rapat dengan konsep amanah, integriti, keadilan yang seharusnya ada dalam diri seorang pemimpin. Dalam Islam itu sendiri konsep amanah dan integriti diberikan penumpuan yang khusus dalam mencapai kesepakatan dan kesejahteraan dalam hidup. Konsep ini jelas terpakai bukan hanya untuk mereka yang beragama Islam, malah meliputi sesiapa saja dengan apa pun anutan dan fahaman (Nazri Abu Bakar, 2021). Pemilihan pemimpin itu sendiri ada digariskan dalam Surah al-Qasas, ayat 36 yang bermaksud:

“Sesungguhnya sebaik-baik orang hendak engkau ambil untuk bekerja ialah yang kuat (berkemampuan) dan amanah (dipercayai).”

(Surah al-Qasas, ayat 36)

Perihal pemilihan pemimpin yang digariskan dalam Islam, disebabkan oleh tanggungjawab pemimpin itu dalam menggalas amanah dan kuasa yang diberikan. Pemimpin yang amanah, adil dan berintegriti dapat mengelakkan daripada penyalahgunaan kuasa dalam pemerintahan. Pemimpin merupakan model dalam membentuk sahsiah yang baik dalam kepemimpinan dan kehidupan harian. Pemimpin akan sentiasa diperhatikan oleh rakyat. Bukan sahaja rakyat akan menilai pemimpin mereka, malah Allah SWT turut menilai setiap tindakan pemimpin. Oleh itu, pemimpin yang pernah memikul tanggungjawab kepemimpinan negara perlu berfikir berpandukan iman dalam usaha mereka untuk kembali menjadi pemimpin (Harian Metro, 2022). Menurut Tenas Effendy (2000), sebagai orang yang “dituakan”, pemimpin haruslah berpengetahuan, mempunyai kebijaksanaan dan “akal”, serta berada dekat dengan orang yang dipimpinnnya. Beliau menjelaskan lagi bahawa pemimpin wajib memiliki “pakaian”, iaitu “pakaian batin” dan keperibadian terpuji. Pemimpin perlu mempunyai ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi supaya dapat memimpin berpandukan nasihat yang berguna dan bertepatan. Dengan ilmu ini, pemimpin tahu menilai dan mengadili pertelingkahan, atau apa-apa jua masalah yang timbul dengan arif dan bijaksana.

PENUTUP

Peribahasa merupakan satu seni bahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu dengan penuh teliti dan keindahan

berdasarkan kepada pengamatan dan juga pemerhatian terhadap alam sekeliling. Sememangnya kebanyakan peribahasa menerapkan unsur flora dan fauna bagi menggambarkan kejadian yang berlaku dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh, kajian ini secara jelas menunjukkan kewujudan ‘kuasa’ yang digambarkan melalui objek ; gajah’ dan ‘harimau’. Melalui teori semantik inkuisitif yang terdiri daripada tiga tahap analisis, makna sesuatu peribahasa Melayu yang menonjolkan konsep kuasa melalui objek-objeknya dapat dipastikan dengan jelas melalui analisis semantic skrip, hubungan konsep kuasa dengan leksikal-leksikal yang dirujuk terhadap data korpus tambahan dapat dijelaskan dengan berpada melalui RRS dan persoalan mengapakah objek-objek dalam peribahasa dipilih untuk menunjukkan konsep kuasa dapat dihuraikan dengan berpada melalui analisis tahap semantic inkuisitif. Dapatan ini telah memenuhi tuntutan kajian bahasa yang saintifik kerana berjaya menjawab kepadaan kriteria pengamatan (*observatory*), penghuraian (*descriptive*) dan kriteria penjelasan (*explanatory*). Penggunaan objek tertentu dalam memaparkan konsep kuasa dalam peribahasa menunjukkan pemikiran orang Melayu yang kreatif tetapi teliti dan mempunyai ilmu serta falsafahnya yang tersendiri.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

RUJUKAN

- A. Samad, Ahmad (1979). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boommgaard Peter. (2001). *Frontiers of fear: Tigers and people in the Malay world, 1600-1950*. Yale University Press: London.
- Carleton, MD & Musser, GG. (2005). *Mammal species of the world*. Baltimore: Johns Hopkins University Press.
- Chulan Ibni Raja Hamid. (1991). *Misa Melayu*. Pustaka Antara: Perak.
- Clutton-Brock, J. (1987). *A natural history of domesticated mammals*. London: British Museum (Natural History).

- D. Godfrey, J. N. Lythgoe, D. A. Rumball. (1987). Zebra stripes and tiger stripes: the spatial frequency distribution of the pattern compared to that of the background is significant in display and crypsis. *Biological Journal of the Linnean Society*, 32(4), p.p 427-433.
- David Alderton & Akera Heart. (2022). *The amazing world of Asian elephants*. Sri Lanka: Lulu Press.
- Ding, Choo Ming. (2009). Beberapa sifat, asal usul dan kepengarangan peribahasa Melayu. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27 (2). pp. 3-26.
- French, J. R. P., Jr., & Raven, B. (1959). The bases of social power. In D. Cartwright (Ed.), *Studies in social power* (p. 150–167). Univer. Michigan.
- H.A. R Gibb (Tra.). (1929). *tbn Batuto Travels in Asio and Africa*. London: G. Routledge.
- Harian Metro. (2022, 17 Oktober). Pemimpin baik dredai Allah. Harian Metro Online. Bahan diakses pada 20 Februari 2023, daripada <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/10/893247/pemimpin-baik-diredai-allah>.
- Joshua Yoder. (2017). *Mark of the Tiger's Stripe*. California: CreateSpace Independent Publishing Platform.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2017). Elemen Dualisme dalam Peribahasa: Pendekatan Semantik Inkuisitif, *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), hlm. 66-88.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2017). Refleksi Dualisme ‘Durian Timun’ Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 21(2), 1-14.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaini Kasdan. (2018). Refleksi Gastronomi Dalam Komunikasi: Analisis Semantik Inkuisitif. *Malaysian Journal of Communication*. 34(1),185-201.
- Kamus Dewan Bahasa* Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. M. (1986). *Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction*. In C. Travis (Ed.), *Meaning and interpretation*. Oxford: Basil Blackwell.
- Khairuddin Kamaruddin. (2013). *Hutan Hujan Tropika Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Man-Eaters. The Tiger And Lion, Attacks On Humans. (2009, March 7) *Lairweb.org.nz*. <http://www.lairweb.org.nz/tiger/maneating3.html>
- Mary Firestone. (2010). *Top 50 Reasons to Care About Tigers: Animals in Peril*. New Jersey: Enslow Publishers.
- Matthiessen, Peter. (2000). *Tigers in the Snow*, m/s. 47. The Harvill Press, London.
- Mohd. Taib Osman. (1997). *Islamic Civilization in the Malay World*. Istanbul: Dewan Bahasa dan Pustaka and the Research Centre for Islamic History, Art and Culture.
- Murray, E. Fowler & Suzan, K. Mikota. (2006). *Biology, Medicine, and Surgery of Elephants*. Hoboken: Blackwell Publishing.
- N. Izzati Md. Mustafa, A. Jusoh, K. Arrifin, N. Abdullah & M. Kamal Kamaruddin (2015). Penggunaan Tenaga Haiwan sebagai Medium Pengangkutan dalam Masyarakat Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(2), 53 – 61.
- Nazri Abu Bakar. (2021, 4 April). Amanah, integriti cerminan iman dalam Islam. *Berita Harian Online*. Bahan diakses pada 20 Februari 2023, daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2021/04/803303/amanah-integriti-cerminan-iman-dalam-islam>.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014a). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Objek Dalam Metafora Dan Akal Budi Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(2), 199-222.
- Nur Izzati Bt Rozman & Nor Azilawati Bt Mohd Noor. (2018). *Semantik Inkuisitif Analisis 'Behut' dalam Peribahasa Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Izzati Md Mustafa & Adnan Jusoh. (2014) . Hubungan gajah dengan orang Melayu (di Semenanjung Tanah Melayu: Tumpuan terhadap aspek sosial. *Proceeding of The International Association of Historians of Asia*, University Utara Malaysia, 23-27 August.
- R.O Winsterd. (1966). *Hikayat Bayan Budimon*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rahman, M. T. A. (2017). *Kamus peribahasa Melayu untuk pelajar*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Rozita Che Rodi. (2022). Hati budi Melayu sebagai simbol peradaban masyarakat: Analisis kata fokus “Ilmu” berdasarkan teori medan makna. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 157 – 180. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.6>

- Ronald Tilson & Philip J. Nyhus. (2009). *Tigers of the World: The Science, Politics and Conservation of Panthera tigris*. London: Academic Press.
- Sanjaya Lall. (1996). *Learning from the Asian Tigers: Studies in Technology and Industrial Policy*. New York: Palgrave.
- Schafer, E. H. (1957). War Elephants in Ancient and Medieval China. *Oriens*, 289-291.
- Shoshani, J.; Eisenberg, J. F. (1982). *Elephas maximus*. *Mammalian Species* (182): 1–8.
- Stephen Alter. (2004). *Elephas Maximus: A Portrait of the Indian Elephant*. New Delhi: Penguin books.
- Tenas Effendy. (2013). *Kearifan Pemikiran Melayu*. Riau: Tenas Effendy Foundation.
- Wan Azizah & Lim Ann Teck. (2020). *Malaysia Baru 2018*. Putrajaya: Jabatan Penerangan.
- Williams, D. W. (1871). *The British Medical Journal*. University of Iowa: British Medical Association.